

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Dalam konteks pengurusan organisasi, kepemimpinan yang adil dan beramanah merupakan elemen penting bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Namun, sering kali terdapat laporan mengenai pemimpin yang menyalahgunakan kuasa mereka untuk kepentingan peribadi atau memberikan layanan tidak adil kepada anak buah. Sikap sebegini tidak hanya merosakkan motivasi pekerja tetapi juga memberi kesan negatif terhadap produktiviti dan suasana kerja.

Jawatan dalam sebuah organisasi bukan sekadar gelaran kedudukan tetapi merupakan amanah yang memerlukan nilai empati, integriti dan tanggungjawab. Setiap pemimpin perlu menyedari bahawa kuasa yang mereka miliki bukanlah untuk kepentingan peribadi tetapi untuk memimpin dan menjaga kebajikan anak buah mereka agar gerak kerja yang efektif dapat dilaksanakan.

Usah aniaya anak buah: jawatan adalah amanah dan lakukan keadilan

Dr Mahfuzah Mohammed Zabidi

Pensyarah Kanan, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Amanah ini memerlukan pemimpin untuk membuat keputusan yang adil dan penuh hikmah berlandaskan nilai adab dan amanah. Adalah amat tidak wajar keputusan yang dibuat didasarkan kepada kepentingan peribadi atau hubungan rapat dengan pekerja tertentu.

Keadilan dalam pengurusan melibatkan lebih daripada sekadar memberikan layanan yang sama rata kepada semua pekerja. Keadilan yang dimaksudkan juga termasuklah memastikan setiap individu mendapat peluang yang sama untuk berkembang dan berjaya. Perkara ini

merangkumi pemberian ganjaran yang adil, peluang latihan dan pengembangan serta penghargaan terhadap pandangan dan sumbangan setiap anak buah.

Ketidakadilan, seperti memberikan layanan yang tidak adil, memihak kepada individu tertentu atau menggunakan kuasa untuk tujuan peribadi, boleh menyebabkan kemerosotan moral dan prestasi. Pekerja yang merasakan mereka diperlakukan secara tidak adil mungkin akan kehilangan motivasi, menurunkan tahap komitmen, dan akhirnya membawa kepada kadar pengunduran diri yang tinggi. Tentunya perkara ini membawa kepada suasana kerja yang tidak menyeronokkan dan menyebabkan prestasi organisasi menurun.

Dalam konteks pengurusan berasaskan prinsip Islam, pemimpin dalam setiap peringkat seharusnya menolak sebarang bentuk ketidakadilan,

Imam Al-Ghazali R.A mengingatkan bahawa keadilan adalah nilai utama dalam kepemimpinan. Nilai keadilan merupakan kunci kepada kepemimpinan yang berjaya. Keadilan di sini bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya, yang berpunca daripada hikmah yang terbentuk dari ilmu yang benar. Hikmah menjadi setiap perkara berada dalam kedudukan pertengahan yang paling baik, tidak terlalu kurang sehingga menghasilkan kebodohan atau kegilaan, dan tidak pula terlalu berlebihan sehingga menghasilkan kelicikan dan menyeimbangkan antara sifat keberanian dan menjaga diri. Jika terlalu berani, pemimpin boleh menjadi seorang yang kuku besi. Sekiranya terlalu mengawal diri pula, pemimpin boleh menjadi penakut untuk membuat apa-apa keputusan dan tindakan.

Imam Al-Ghazali R.A juga merumuskan bahawa kepemimpinan yang baik adalah berdasarkan empat nilai utama: keadilan (Adl), kebijaksanaan (hikmah), keberanian (shajacah), dan sifat memelihara diri (Iffah). Keempat-empat nilai ini perlu dipupuk dan dizahirkan secara tepat dalam diri pemimpin untuk memastikan perjalanan kepemimpinan dapat dilaksanakan dengan baik. Para ahli falsafah etika dan ahli tasawuf menegaskan bahawa keseimbangan dan ketidakseimbangan antara nilai-nilai ini mempengaruhi sifat-sifat manusia dalam hati nurani seseorang.

Pemimpin yang baik adalah mereka yang menginsafi bahawa jawatan mereka adalah amanah besar daripada Allah SWT. Setiap keputusan mereka memerlukan penelitian yang adil dan penuh empati. Dengan melaksanakan keadilan dan menghormati hak setiap individu, pemimpin bukan sahaja membina suasana kerja yang harmoni tetapi juga memastikan kejayaan organisasi. Mengabaikan amanah ini dan mengamalkan ketidakadilan hanya akan membawa kepada masalah yang lebih besar dan merugikan semua pihak. Oleh itu, adalah penting untuk setiap individu berusaha menjadi pemimpin yang adil dan bertanggungjawab, bagi memastikan suasana kerja yang harmoni dan pencapaian produktiviti yang efektif lagi dilimpahi rahmat dan barakah daripada-Nya.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130